

Belanjawan 2020: CUEPACS harap kerajaan beri bonus sebulan gaji
AstroAwani
22 September 2019

GEORGE TOWN: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) berharap khabar gembira akan mengiringi penjawat awam dengan pengumuman bonus sekurang-kurangnya sebulan gaji kepada kumpulan pekerja ini di seluruh negara dalam pembentangan Belanjawan 2020 pada bulan depan.

Presidennya Datuk Azih Muda berkata tahun 2020 merupakan tahun yang unik dan istimewa dan sudah tentunya pihaknya mengharapkan kejutan istimewa berlaku dalam Belanjawan 2020 yang dijadual dibentangkan oleh Menteri Kewangan Lim Guan Eng pada 11 Oktober depan.

"Tentang bonus ini.... saya yakin dengan kebijaksanaan yang berhormat Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan menteri kewangan supaya bonus ini mesti ada dan dalam keadaan apa sekalipun.

"Kita mesti mengiktiraf sumbangan penjawat awam dalam usaha mereka memastikan negara terus stabil, aman dan makmur, " katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tri-Tahunan CEUPACS Pulau Pinang di sini hari ini.

Beliau berkata biarpun kerajaan kini sudah bertukar namun agensi serta kementerian dan para pekerjanya masih sama dan terus berkhidmat tanpa ada sebarang prejudis.

Menerusi Belanjawan 2020 itu juga Azih berkata kerajaan perlu meneliti gaji serta Sistem Saraan Malaysia yang tidak disemak selama 17 tahun lalu.

Beliau berkata, 2020 satu tahun yang amat istimewa sebab itu Dr Mahathir semasa beliau menjadi perdana menteri keempat, memilih 2020 sebagai satu tarikh untuk meletakkan negara kita sebagai negara maju.

"Walaupun perdana menteri telah menganjukkan masa untuk meletakkan Malaysia sebagai negara maju pada 2020 ke 2025, harapan kami supaya gaji permulaan tahun 2020 itu mesti berada di atas garis kemiskinan."

Dalam pada itu CEUPACS turut merayu pada kerajaan agar penjawat awam terus berada di zon selamat dan turut meminta agar kerajaan mengekalkan kewujudan 21 Institut Pendidikan Guru (IPG) dan 33 Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang sebelum ini dikatakan akan ditutup.

-- BERNAMA

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2020-cuepacs-harap-kerajaan-beri-bonus-sebulan-gaji-218188>